

Dr. Mahathir, isteri bercuti ke Sepanyol

UM 01/11/2003 - 4 PRECISE

PUTRAJAYA 31 Okt. — Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali akan berlepas ke Sepanyol esok untuk bercuti sehingga 15 November ini setelah secara rasmi melepaskan jawatan Perdana Menteri hari ini.

Utusan Malaysia difahamkan selepas pulang dari percutian itu, Dr. Mahathir akan berlepas ke Okinawa,

Jepun pula atas undangan sebuah universiti bagi menyampaikan syarahan.

Sementara itu, Dr. Siti Hasmah ketika bercakap pada sidang akhbar khas bersama Dr. Mahathir tengah hari ini melahirkan rasa lega dengan persaraan suaminya daripada jawatan Perdana Menteri.

“Saya rasa lega dan berterima kasih kerana memulangkan semula suami

saya supaya dapat menghabiskan lebih banyak masa bersama keluarga daripada dulu,” katanya.

Ditanya rancangannya selepas tidak lagi bergelar Wanita Pertama Malaysia, Dr. Siti Hasmah bagaimanapun berkata, beliau masih belum merancang aktiviti yang akan dilakukan selepas ini.

“Aktiviti Wanita Pertama Malaysia

kini terserah secara rasmi kepada Datin Seri Endon Mahmood.

“Namun banyak pertubuhan yang saya jadi penaung, saya akan buat pilihan selepas bercuti,” katanya.

Sebaik sahaja berakhir sidang akhbar khas kira-kira setengah jam itu, Dr. Mahathir dan isteri dikerumuni oleh anggota media untuk mendapatkan tandatangan dan bergambar.